

**Pemilihan Sayap Umno Di Melaka Tiada Kejutan Besar
Bernama
13 Oct, 2013**

MELAKA, 13 Okt (Bernama) -- Mesyuarat perwakilan dan pemilihan pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno di enam bahagian di Melaka tidak menyaksikan kejutan apabila kesemua penyandang yang dicabar mengekalkan jawatan masing-masing.

Ketua Wanita Umno Bahagian Masjid Tanah yang juga Exco Wanita, Pembangunan Keluarga Dan Hal Ehwal Kebajikan Melaka Datuk Latipah Omar mengekalkan jawatannya selepas memperoleh 191 undi mengalahkan pencabarnya Kamsiah Md Kassim yang menerima 128 undi.

Datuk Norpipah Abdol yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Rembia kekal sebagai Ketua Wanita Umno Bahagian Alor Gajah dengan 219 undi mengalahkan pencabarnya Datuk Hasnah Salam yang mendapat 122 undi manakala Ketua Wanita Bahagian Jasin Zaleha Bujang menang tipis dengan 200 undi menewaskan Sarina Ahmad (193 undi).

Bagi jawatan Ketua Pemuda, Rohazam Bakar dipilih Ketua Pemuda Bahagian Bukit Katil apabila memperoleh 149 undi menewaskan dua pencabarnya Razak Abu Hassan (111 undi) dan Esrul Efindi Dahlan (106 undi).

Bahagian Masjid Tanah menyaksikan Hameed Mytheen Kunju memperoleh 176 undi untuk menewaskan Nazri Ramli (91 undi) manakala di Jasin, Imanudin Abd Aziz mendapat 207 undi mengetepikan Jezlee Pit (157 undi) dan Shahrul Azuwar Abd Aziz (10) manakala Bahagian Alor Gajah pula menyaksikan Halim Daud memperoleh 192 undi menewaskan Suhaizan Noh (135 undi).

Bagi jawatan Ketua Puteri pula, perwakilan Bahagian Alor Gajah memilih Azniza Ahmad Khuzairi menerusi 152 undi menewaskan Faridah Mat Sahat (103 undi) sementara di Bukit Katil, Siti Aisyah Mahmood memperoleh 168 undi mengalahkan Zalina Ismail (104 undi).

Terdahulu, enam ketua sayap menang tanpa bertanding dalam pemilihan bahagian masing-masing.

Mereka ialah penyandang Ketua Wanita Umno Bahagian Tangga Batu Datuk Nor Adibah Abdullah, penyandang Ketua Pemuda Kota Melaka Abdul Razak Abdul Rahman.

Siti Kalthom Ahmad memenangi jawatan Ketua Puteri Bahagian Masjid Tanah, Haryaty Hamdzah (Kota Melaka), Suzalipah Md Len (Jasin) dan Azlieza Azizan (Tangga Batu).

Ketika berita ditulis, proses pengiraan undi bagi jawatan Ketua Wanita Bahagian Kota Melaka melibatkan penyandang Datuk Rabiyyah Ali dan Shirzla Helma Mohd Hayaha Adzhar serta jawatan Ketua Pemuda Tangga Batu antara Zali Mat Yasin dan Rais Yassin masih berlangsung.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985316>

